

Perangkap maut pengunjung pantai

Ramai yang mati lemas akibat arus karau atau *rip current*

SM/21.02.24 / m/s 26

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
KUANTAN

Fenomena arus karau atau lebih dikenali *rip current* merupakan perangkap maut yang boleh menyebabkan mati lemas dan kebanyakan yang pandai berenang juga masih boleh terdedah dengan risiko tersebut.


Seorang pengguna di Facebook, Sabri Mamat berkongsi info mengenai fenomena tersebut di laman Kuala Terengganu Residen susulan kes seorang lelaki, Zulkarnain Mohamed Zubir, 44, dibawa arus ombak ketika beriadah bersama isteri dan dua anak perempuannya di Pantai Batu Buruk, Terengganu pada Ahad.

Menurutnya, perkara tersebut sudah didedahkan oleh Profesor Madya, Dr Mohd Fadzil Mohd Akhir, Pengarah Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

"Jadi tuan-tuan kena tahu perkara ini, perhatikan gambar-gambar yang saya kongsi."

"*Rip current* boleh dicam apabila ada ruang diapit ombak kiri dan kanan. Apabila melihat keadaan ini, jangan sesekali tuan-tuan mandi di kawasan berkenaan.

"Jika tidak, anda akan disentak



Gambar menunjukkan kejadian arus karau atau *rip current*. Arus ini boleh dikenali apabila ada ruang diapit ombak kiri dan kanan.

POH
PALEH
NEH!

dengan tarikan arus deras yang akan mengakibatkan anda menjadi panik secara tiba-tiba," katanya.

Ujarnya, jika berdepan situasi itu, individu yang terlibat hanya ada pilihan mengikut arus kerana jika dilawan pastinya akan mengalami keletihan menyebabkan tiada daya untuk menyelamatkan diri.

"Jadi anda mengikut arus seterusnya berusaha berenang ke tepi arus, selepas itu barulah anda akan terkeluar daripada jalur *rip current*," jelasnya.

Tambahnya, fenomena tersebut akan mengakibatkan individu itu di-

tarik jauh ke tengah lautan, paling pendek sejauh kira-kira 9 meter.

"Pastikan tuan-tuan ambil perhatian perkara ini, buat para pelancong, kami rakyat Terengganu memang tidak mandi di pantai terbuka.

"Terutamanya di Pantai Batu Buruk, memang tuan-tuan tidak akan jumpa orang Terengganu mandi beramai-ramai di sana," katanya.

Ulasnya, orang ramai boleh mengunjungi lokasi tempuan lain untuk mandi-manda seperti di Pantai Kekabu di Marang kerana pihak Pejabat Daerah meletakkan petugas keselamatan lengkap dengan segala kemudahan jika terdapat kes orang lemas.